

UMS tersenarai dalam 220 universiti terbaik Asia

KOTA KINABALU: Kemunculan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di peringkat antarabangsa terus diperkasa apabila tersenarai dalam kelompok 220 universiti terbaik Asia dalam QS Asian University Rankings 2016 baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah (gambar) berkata, pencapaian itu merupakan satu peningkatan yang memberangsangkan berbanding pencapaian kelompok 250 universiti terbaik Asia pada tahun lalu.

“Ia juga menunjukkan satu lonjakan sebanyak 140 tangga berbanding ranking universiti ini pada tahun 2012,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, pencapaian itu merupakan hasil komitmen semua warga UMS yang sentiasa berganding bahu dengan semangat dan tekad untuk mengekalkan kecemerlangan ke arah keunggulan di arena antarabangsa.

“Jika dahulunya kita kurang dikenali di peringkat global, namun kini UMS berada di landasan yang tepat dan telah mencapai pengiktirafan demi pengiktirafan bertaraf dunia.

“Pelbagai usaha sedang giat dijalankan untuk memastikan universiti ini maju ke tahap yang lebih tinggi dan terus cemerlang,” katanya.

Mohd Harun berkata UMS turut menyasarkan untuk berada pada kelompok 100 universiti terbaik Asia dalam tempoh lima tahun akan datang.

